



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	7/10/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN



Pemasangan Sistem Pengawasan Royal Belum WWF.

Kamera banteras pemburu haram harimau Malaya

Penggunaan teknologi di Royal Belum bantu perangi jenayah hidupan liar

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pencerobohan atau pemburuan untuk perdagangan komersial secara haram harimau Malaya adalah satu ancaman serius dan jenayah kepada alam sekitar hingga menyebabkan spesies ini hampir pupus serta kehilangan habitat berhutan.

Menurut laporan World Wildlife Funds Malaysia (WWF-Malaysia), terdapat kira-kira 3,000 ekor harimau Malaya (*Panthera tigris jacksoni*) di negara ini pada tahun 1950-an, namun menurun secara mendadak kepada kurang daripada 200 harimau.

Menyadari ia perlu diatasi, WWF-Malaysia dan Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP) menjalankan kerjasama dengan pusat penyelidikan dan pembangunan negara, MIMOS bagi membangunkan penyelesaian teknologi khususnya di Royal Belum, yang dikenali sebagai Sistem Pengawasan Royal Belum WWF.

Ketua Konservasi (Semenan-

jung Malaysia) WWF-Malaysia, Norizan Mohd Mazlan, berkata Royal Belum dipilih kerana ia menjadi antara lokasi tumpuan pemburu haram.

Kawasan khusus yang menjadi tumpuan ialah di Kompleks Hutan Belum-Temenggor di Perak, iaitu kawasan seluas kira-kira 3,000 kilometer persegi yang meliputi Taman Negeri Royal Belum, Hutan Simpan Temenggor, Hutan Simpan Banding dan Hutan Simpan Amanjaya.

Katanya, justeru tindakan dilakukan oleh pihaknya ialah dengan meletakkan sistem pengawasan di pintu masuk Royal Belum melalui Tasik Temenggor sebagai langkah pemantauan dan penguatkuasaan.

“Ia bertujuan untuk mengurangkan pemburuan haram terhadap spesies mamalia besar di Royal Belum, selain PTNP turut mempunyai 32 renjer, di mana kira-kira 10 daripadanya ditugaskan untuk meronda kawasan perlindungan ini.

“Sistem pengawasan itu meliputi dua jenis kamera pengawasan yang ditempatkan di pusat pemeriksaan renjer di Royal Belum, iaitu kamera menggunakan teknologi analitik video untuk pemantauan bot dan kamera resolusi rendah untuk penstriman langsung.

“Kamera berkenaan akan disambungkan ke aplikasi mudah alih Komuniti Pintar (*Intelligent Community-iComm*) yang diba-



Ia bertujuan mengurangkan pemburuan haram terhadap spesies mamalia besar di Royal Belum. PTNP mempunyai 32 renjer, di mana kira-kira 10 daripadanya ditugaskan meronda kawasan perlindungan ini.

Norizan Mohd Mazlan,
Ketua Konservasi (Semenanjung Malaysia) WWF-Malaysia

ngunakan oleh MIMOS untuk membolehkan renjer memantau kawasan terlindung melalui telefon bimbit.

“Bot yang keluar dan masuk juga akan diperiksa serta dira-

kam oleh sistem video analitik, tetapi jika gagal berhenti untuk pemeriksaan, siren akan diaktifkan di aplikasi iComm untuk tindakan renjer,” katanya.

Norizan berkata, sebelum ini, WWF-Malaysia turut menubuhkan Unit Anti Pemburuan Haram sejak Oktober 2008 dan statistik dari tahun 2016 hingga 2018 menunjukkan, sejumlah 225 perangkap aktif dikenalpasti dan dinyahaktifkan oleh unit itu, di mana kebanyakannya ditemui di dalam dan di sekitar Royal Belum.

“Walaupun pendekatan itu secara tidak langsung membantu melemahkan semangat pemburu haram untuk menceroboh Royal Belum, terdapat keperluan kritikal untuk penggunaan teknologi dalam memerangi jenayah hidupan liar.

“Disebabkan itu kami menjalankan kerjasama bersama MIMOS dan beralih kepada pendekatan teknologi untuk mengesan aktiviti haram dengan lebih baik menerusi sistem pengawasan video yang canggih untuk mudah mengakses serta-merta dari jauh.

“Diharap penyelesaian teknologi ini dapat memudahkan proses pemantauan dan meningkatkan penguatkuasaan di Royal Belum, selain dapat menangani masalah tenaga kerja yang terhad dan berpotensi mengurangkan jumlah aktiviti pemburuan haram,” katanya.